

28/10/1997

Tiada lagi kempen tarik pelaburan jangka pendek

Mior Kamarul Shahid in Edinburgh

EDINBURGH, Isnin - Kerajaan tidak lagi menggalakkan syarikat Malaysia mengadakan kempen ke luar negara (road shows) jika matlamatnya untuk menarik pengurus dana asing jangka pendek.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia hanya berminat kepada pelabur jangka panjang yang serius.

"Saya tidak menyatakan semua pengurus dana asing hanya mahukan keuntungan modal.

"Sesetengahnya memang serius. Kita perlu buat pilihan teliti.

"Kita tidak boleh membuat jualan paksa untuk meningkatkan nilai saham.

"Tentunya apabila nilai saham naik, kita buat banyak wang yang boleh digunakan untuk bertukar saham, membeli syarikat dan sebagainya.

"Tetapi apabila saham jatuh, mereka menanggung hutang disebabkan saham berkenaan hanyalah sebagai pajakan.

"Bank akan meminta margin dan boleh menyebabkan syarikat muflis," katanya kepada wartawan Malaysia, di sini.

Dr Mahathir sedar banyak syarikat mahu melihat saham mereka naik dengan mengadakan road shows di luar negara.

"Di Amerika umpamanya, mereka mengadakan kempen seperti itu untuk menarik tabung pencen.

"Syarikat asing masuk dan membeli saham.

"Ia menolak tinggi harga nilai saham sedangkan ia tidak ada kaitan dengan prestasi syarikat berkenaan.

"Mereka tidak berminat mengenai dividen.

"Mereka juga tidak meminta diwakili dalam lembaga pengarah walaupun mempunyai pegangan yang besar.

"Apa yang mereka minat ialah melonjak nilai saham.

"Apabila cukup tinggi ia akan jual dan pergi ke negara lain," katanya.

Mengenai kemungkinan mengenakan kadar faedah lebih tinggi, Perdana Menteri berkata, adalah tidak bijak berbuat demikian kerana tindakan itu memberi kesan tertentu.

"Bila kita menaikkan kadar faedah, ia akan menyebabkan kurang pinjaman. Ini akan menyekat pertumbuhan pelaburan.

"Tentunya wang asing akan masuk ke dalam negara.

"Memang inilah yang mereka mahu lihat. Ini adalah wang jangka pendek.

"Mereka hanya masuk untuk mengambil kesempatan daripada kadar faedah yang tinggi.

"Apabila dapat untung, mereka akan menarik diri.

"Kita tidak mahu bentuk pelaburan asing secara terus begitu.

"Ini adalah bentuk pelaburan jangka pendek, tidak serius dan tidak produktif.

"Mereka hanya mahu mengambil kesempatan daripada kadar faedah yang tinggi. Ini berlaku di Thailand," katanya.

(END)